

11 OKTOBER 2017

Ibu tunggal hilangkan diri selepas kisah didedah umum

2

Ibu tunggal hilangkan diri selepas kisah didedah umum

WANITA yang tinggal di rumah dipenuhi sampah dan uzur bersama lima anaknya di Kampung Paloh, Pintu Geng, di sini menghilangkan diri selepas kisahnya didedahkan kepada umum.

Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) negeri, Rahayu Ahmad berkata, berikutan pendedahan tersebut, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membuat tindakan susulan mengambil lima beradik berkenaan untuk ditempatkan di rumah perlindungan di Pengkalan Chepa.

Beliau berkata, pihaknya turut difaham-

kan wanita itu yang dibawa ke balai polis untuk menjalani ujian air kencing semalam, namun dia dibebaskan selepas prosedur selesai.

"Kami cuba mengesan wanita tersebut di rumahnya namun gagal. Jirannya memberitahu wanita itu tidak pulang ke rumah.

"Setelah diperiksa seluruh bahagian untuk mendapatkan bukti sama ada rumah tersebut memang dijadikan 'port' kegiatan menjahat dadah," katanya.

Rahayu menasihatkan wanita itu supaya tampil di mana-mana pejabat AADK bagi membolehkan pihak mereka membantunya menjalani pemulihan.



641,783 BACAAN